

Newspaper	Utusan Melayu
Date	18/08/2017

Dr. Mahathir disifatkan pemangsa 'tiada gigi'

Um - 18/8/2017 Pg. 14

KUALA LUMPUR 17 Ogos - Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad yang disifatkan sebagai pemangsa yang sudah 'tiada gigi' diyakini tidak akan memohon maaf terhadap keluarga dan mangsa peristiwa Memali.

Ahli Jawatankuasa Kerja Pas Pusat, Dr. Azman Ibrahim berkata, keyakinan itu berdasarkan dakwaan terbaharu bekas Perdana Menteri itu bahawa tragedi berdarah itu teretus ekoran orang Kampung Memali, Baling, Kedah yang memulakan serangan terhadap pihak polis.

"Dr. Mahathir mendakwa orang kampung memulakan tindakan menikam mati empat anggota polis sehingga mereka layak diserang dan dibunuh. Ini dakwaan yang sangat serius!

"Dr. Mahathir hanya mampu bercakap dan bercakap. Sehingga ke hujung usia, saya yakin tiada kalimah maaf akan diucapkannya atas apa yang pernah beliau lakukan," katanya dalam portal berita *HarakahDaily*, hari ini.

Sementara itu, Mohamad Zuhdi Mat Piah yang mendakwa bahawa beliau merupakan anak mangsa Memali menegaskan, keluarga mangsa tidak pernah lupa peristiwa hitam itu dan ia akan terus menghantui Dr. Mahathir sampai bila-bila.

Katanya, ketika kejadian, dia baharu berusia setahun apabila ayahnya, Mat Piah Yunus ditembak bertubi-tubi dengan peluru M16, putus jari, tangan berdarah, dada ditembusi hingga ke bahagian belakang, dipijak dan diherdik.

"Walaupun bukan Dr. Ma-

hathir tembak atau bunuh seperti tidak pegang satu bata pun untuk pembangunan negara tetapi ia berlaku kerana arahan Dr. Mahathir.

"Setelah 32 tahun berlalu, Dr. Mahathir tidak pernah mengaku salah apatah lagi ingin memohon maaf. Mohamad Sabu, Datuk Mahfuz Omar, Salahuddin Ayub boleh sahkan, malangnya ketiga-tiga mereka ini tiada maruah dan menjilat ludah sendiri," tulisnya dalam akaun Facebook miliknya, kelmarin.

Selasa lalu, Dr. Mahathir dalam rakaman video yang disiarkan dalam akaun rasmi Facebook PPBM memberitahu, orang kampung yang terlibat dalam peristiwa Memali mesti sanggup menerima balasan selepas menyerang dengan parang dan membunuh pegawai polis.